

Pelan Induk Pemuliharaan Alam Semula Jadi yang dikemas kini bagi lindungi biodiversiti S'pura turut dilancar

Hutan tua di Singapura telah kehilangan banyak pokok besar sepanjang tiga dekad lalu akibat dibadai ribut, menurut hasil satu kajian program nasional.

Di bawah program penyelidikan ekologi hutan tropika, tinjauan pertama seumpamanya mengenai serangga terbang di hutan di sini juga telah menemui DNA anggaran lebih daripada 100,000 spesies, di mana kira-kira 10 peratus daripadanya diketahui sains.

Penemuan ini dikeluarkan pada 6 Jun bagi memulakan Festival Biodiversiti 2026. Sambutan tahunan warisan semula jadi Singapura ini dianjurkan oleh Lembaga Taman Negara (NParks) dan Meja Bulat Biodiversiti, rangkaian lebih daripada 20 pertubuhan bukan kerajaan.

Kehilangan bersih pokok besar di Hutan Simpanan Tadahan Air Bahagian Tengah telah mendorong NParks mempercepatkan usaha melindungi pokok matang utama.

Kajian yang menjejaki pokok di hutan simpanan itu antara 1992 dengan 2022 mendapati bilangan pokok berdiameter 30 sentimeter atau lebih di kawasan hutan tua menurun daripada 121 kepada 87 pokok sehektar.

NParks: Kurang pokok besar di hutan tua S'pura; lebih 100,000 spesies serangga di sini

Para penyelidik NParks mengaitkan kemerosotan ini terutamanya dengan kerosakan akibat ribut.

Timbalan Pengarah Ekologi Hutan NParks, Encik Chong Kwek Yan, berkata pokok matang utama memainkan peranan penting kerana menghasilkan sebahagian besar buah dan benih yang menyokong hidupan liar serta pertumbuhan generasi hutan baru.

Beliau memberi amaran bahawa perubahan iklim dijangka meningkatkan cabaran risiko pokok tumbang.

Sebagai maklum balas, Encik Chong berkata NParks akan meningkatkan usaha mengenal pasti pokok matang utama, mengumpulkan benih dan membiakkan anak pokok bagi menyokong pemulihan hutan.

Sementara itu, tinjauan terbesar Singapura terhadap serangga terbang di kawasan hutan telah mewujudkan penanda aras bagi memantau kesihatan bilangan serangga di negara ini.

Kajian itu merupakan kerjasama antara Makmal Ekologi Tumbuhan, Evolusi dan Biogeografi Universiti Nasional Singapura (NUS), Muzium Sejarah Semula Jadi Lee Kong Chian (NUS) dan



Pengunjung taman berhampiran pokok warisan Terap Nasi (kiri) di Taman Fort Canning yang ditaja Delta Electronics menjelang Pesta Biodiversiti 2026. – Foto ST

NParks.

Tinjauan itu mengenal pasti kira-kira 100,000 spesies daripada 24 plot tanah di beberapa taman alam semula jadi lain antara 2024 dengan 2025.

Merasmikan Pesta Biodiversiti 2026, Menteri Negara (Perdagangan dan Perusahaan merangkap Pembangunan Negara), Encik Alvin Tan, berkata kajian serangga itu memberi harapan tentang kekayaan hutan tropika Singapura ketika bilangan haiwan sedang merosot di seluruh dunia.

Encik Tan berkata pemerintah akan terus melabur dalam penyelidikan ekologi hutan dan mengalu-alukan penyertaan penyelidik serta penaja syarikat dalam Program Penyelidikan Ekologi Hutan Tropika.

Beliau juga melancarkan Pelan Induk Pemuliharaan Alam Semula Jadi yang dikemas kini bagi melindungi biodiversiti Singapura.

Festival Biodiversiti edisi ke-15 berlangsung sehingga 7 Jun di Bangunan Perpustakaan Negara.